

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DR. AHMAD AZAM BIN
HAMZAH**

TARIKH : 23 DISEMBER 2021 [KHAMIS]

SOALAN

DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan kerajaan dalam menangani masalah yang dihadapi pengguna pengangkutan awam seperti kekurangan tempat letak kenderaan, kadar tambang yang mahal, tempoh menunggu yang lama dan kenderaan awam yang tidak diselenggara dengan baik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kenderaan perkhidmatan awam darat terbahagi kepada beberapa jenis perkhidmatan iaitu perkhidmatan bas, perkhidmatan rel serta perkhidmatan teksi dan e-Hailing, yang menawarkan perkhidmatan mengikut model operasi masing-masing sepertimana yang telah ditetapkan.

Perkhidmatan bas terutamanya bas henti-henti menyediakan perkhidmatan pengangkutan yang menyambungkan pusat-pusat petempatan di kawasan bandar dan luar bandar untuk membawa penduduk ke lokasi-lokasi utama seperti tempat kerja, sekolah dan pekan yang berdekatan. Perkhidmatan rel terutamanya rel bandar seperti perkhidmatan MRT dan LRT merupakan perkhidmatan pengangkutan massa yang pantas serta melalui lokasi-lokasi berdensiti tinggi ke pusat bandar.

Bagi perkhidmatan teksi dan e-Hailing ia merupakan pelengkap perjalanan penumpang dalam urusan pergerakan harian. Penumpang boleh menggunakan perkhidmatan Teksi dan e-Hailing sama ada sebagai pergerakan jarak dekat, jarak jauh ataupun pengantara sahaja. Kepelbagaian jenis perkhidmatan pengangkutan awam darat ini sekaligus memberi pilihan kepada penumpang untuk melakukan pergerakan dengan lebih cepat dan mudah.

Kadar Tambang

Kadar tambang kenderaan perkhidmatan awam dan kereta api adalah dikawalselia kerajaan kecuali bagi perkhidmatan bas pekerja, bas sekolah, bas persiaran, ehailing dan ETS. Kali terakhir kadar tambang bas dan teksi disemak kerajaan adalah pada tahun 2015. Bagi perkhidmatan bas ekspres, ehailing dan ETS terdapat juga kategori perkhidmatan dengan kadar tambang yang berbeza untuk pengguna membuat pilihan.

Sebagai contoh perkhidmatan bas ekspres dibahagikan kepada 2 kategori iaitu kategori ekonomi dan eksekutif di mana kategori ekonomi menawarkan kadar tambang yang lebih rendah untuk pengguna. Begitu juga dengan perkhidmatan ETS yang menyediakan tambang kelas ekonomi dan kelas perniagaan manakala kadar tambang e-hailing pula ditentukan secara pasaran terbuka dengan kadar tambangnya dapat diketahui penumpang di dalam aplikasi sebelum pengguna bersetuju menggunakan perkhidmatan. Perkhidmatan e-hailing juga menawarkan pelbagai kategori tambang berdasarkan jenis perkhidmatan yang dipilih.

Tempoh Menunggu

Bermula Januari 2021, perkhidmatan bas berhenti-henti diseluruh negara telah pun dipantau melalui sistem pemantauan berpusat bagi memastikan pengendali-pengendali menjalankan perkhidmatan mengikut jadual yang ditetapkan. Bagi perkhidmatan bas ekspres pula pemantauan telah dibuat melalui sistem yang dibangunkan di terminal-terminal di mana pengendali terminal adalah diwajibkan untuk mengemukakan laporan prestasi pengendali-pengendali bas ekspres ini kepada kerajaan pada setiap bulan. Begitu juga dengan perkhidmatan rel yang juga dipantau perkhidmatannya di pusat arahan kawalan oleh pengendali.

Tempahan kenderaan e-Hailing atau teksi yang menggunakan aplikasi e-hailing juga membantu pengguna untuk mengetahui tempoh masa sebenar kenderaan akan tiba sebelum dan selepas tempahan dibuat. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan terdapat juga faktor di luar kawalan yang kadang kala mempengaruhi kecekapan sesuatu perkhidmatan yang ditawarkan misalnya; kesesakan lalu lintas, kemalangan dan bencana alam seperti banjir dan sebagainya.

Penyelenggaraan

Dalam konteks penyelenggaraan, semua kenderaan perkhidmatan awam adalah diwajibkan untuk menjalani pemeriksaan PUSPAKOM setiap 6 bulan kecuali bagi kelas lesen teksi dan e-Hailing iaitu untuk setiap 12 bulan. Pemeriksaan berkala ini merangkumi aspek pemeriksaan

SOALAN NO. 55

bahagian atas dan bawah kenderaan, gelincir sisi, suspensi, brek dan pelepasan asap.

Bagi perkhidmatan kereta api pula, Kementerian Pengangkutan melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat akan membuat pemeriksaan audit berkala yang antara lainnya adalah pemeriksaan penyelenggaraan yang dilaksanakan pengendali kereta api merangkumi komponen-komponen seperti landasan (*track*), stok kereta (*rolling stock*), fasiliti stesen, lintasan rata dan sistem yang diguna pakai.